



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor yang yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Negeri Perak dan mempunyai Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta yang masih sah dibenarkan membuat Sebut Harga di mana tempoh sah sijil – sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup sebut harga ini. Butiran sebut harga adalah seperti berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
PUO/SH/24/2025	Menaiktaraf, Membaikpulih Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dewan Sukan Serbaguna Kampus B Di Politeknik Ungku Omar	Gred : G1, G2, G3 Kategori : ME Pengkhususan : E04 & E11	23/4/2025 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan dipertimbangkan)

2. Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Lanjutan itu, Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi bermula pada hari dan waktu seperti berikut:-

Tarikh : 16/04/2025 (Rabu)
Masa : i) 09.00 pagi – 12.00 Tengahari
ii) 2.30 petang - 4.00 petang
Tempat : Unit Perolehan Dan Kewangan,
Aras 1, Blok Pentadbiran,
Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi,
31400 Ipoh, Perak
Harga : RM 10 / Borang

3. Kontraktor boleh menghubungi Penolong Jurutera, Unit Pembangunan Selenggaraan, Politeknik Ungku Omar, seperti di bawah bagi tujuan pertanyaan/penjelasan untuk tapak projek :-

Pegawai : En. Riduan Bin Mohamad Hanipah (019-2497119).

4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada penama-penama yang bertauliah / wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja dengan mengemukakan surat perwakilan kuasa dibenarkan. Bagi maksud ini, kontraktor – kontraktor hendaklah membawa dan mengemukakan Dokumen (Asal) dan Salinan bagi Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sijil MOF dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi tujuan untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga. Kegagalan tuan/puan mengemukakan sijil tersebut boleh menyebabkan Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga / Tender, Aras Bawah, Blok Pentadbiran, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak sebelum Tarikh Tutup Sebut Harga.
6. Politeknik Ungku Omar tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana – mana tawaran tertentu.

1.

(Dr. SHAMSURI BIN ABDULLAH)

Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Politeknik Apex
Ipoh, Perak

Tarikh : 14 APRIL 2025
Ruj Fail : PUO/SH/24/2025

